



TERIMA IJAZAH UMS ... Dari kiri belakang Patrick Laing Ngau, Noorzarinah Abas, Md Raed Felani Samsudin, Nensi Nurdin, Dayang Nooranizah Mohd Amin, Zaibaizura Zakaria, Zainab Norazman, Wan Hasnin Wan Hasan manakala depan Intan Arniesa Saturnino dan Suhaimi Nurdin penerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dengan Keupujian (Ekonomi Sumber Manusia) antara 4,484 yang menerima ijazah pada Konvokesyen ke-13 UMS di Dewan Canselor UMS pagi kelmarin. - Foto Johaidi Ismail

BERSAMA IBU BAPA ... Editor Bahasa Malaysia New Sabah Times, Mohd Amin Haji Muin (dua kiri) dan isteri, Puan Noorlizawaty Abdullah (tiga dari kiri) merakamkan kenangan bersama anak kedua beliau, Dayang Nooranizah (tiga kanan) yang menerima Ijazah Sarjana Muda Keupujian (Ekonomi Sumber Manusia) di Dewan Canselor UMS kelmarin.

Turut bersama dua orang anak beliau Mohd Affzanizam dan Dayang Noorfarizah (kiri dan kanan sekali) serta anak menantu perempuan, Nur Aryinie Gudok Abdullah.

Nooranizah adalah kakitangan UMS yang berjaya menamatkan pengajian di universiti tersebut antara 4,484 penerima ijazah, diploma dan sijil dalam Konvokesyen ke-13 UMS bermula pada Sabtu dan akan berakhir hari ini (Selasa). - Foto Mohd Anizam Mohd Amin

86.2 % graduan UMS dalam kebolehpasaran

NS7 29.11.2011 2

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN

kamaruddin@newsabah-times.com.my

KOTA KINABALU: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari segi kebolehpasaran graduannya pada tahun lalu menunjukkan kira-kira 55 peratus para graduan UMS mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergradu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, data itu diperoleh daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Walau bagaimanapun selepas tindakan susulan dilaksanakan ke atas graduan didapati pencapaian sebenar bagi kebolehpasaran graduan UMS pada tahun 2010 ialah 86.2 peratus," katanya ketika berucap pada majlis Konvokesyen ke-13 UMS di Dewan Canselor UMS di sini,

kelmarin.

Pada Konvokesyen kali ini, seramai 4,484 graduan dianugerahkan ijazah dalam bidang pengajian masing-masing.

Menurutnya, berdasarkan lawatan audit keserakanan (peer review) oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Program Management Office pada 28 dan 29 September yang lalu, kaedah yang digunakan oleh UMS bagi mengesan graduan ini merupakan amalan terbaik di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ianya amat membanggakan UMS.

Dr. Kamaruzaman berkata, pencapaian cemerlang akademik para graduan UMS dan peningkatan tahap kemahiran insaniah dan kebolehpasaran graduan UMS dalam pasaran buruh yang sentiasa meningkat tinggi ini sangatlah membanggakan semua pihak.

Dalam pada itu, beliau berkata, walaupun UMS telah mencapai kejayaan demi ke-

jayaan, ia tidak bermakna pihaknya sudah berpuas hati kerana sadar bahawa UMS masih lagi di peringkat remaja dalam agenda pembangunannya.

"Sebenarnya, masih banyak lagi tugas dan tanggungjawab yang perlu kita lakukan untuk lebih berjaya di masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, selaras dengan gagasan transformasi negara berasaskan penyelidikan dan inovasi yang dicituskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Kementerian Pengajian Tinggi seluruh warga UMS harus memikul tugas besar dan mencabar dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas agar Malaysia muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 tercapai.

Justeru itu, katanya, beliau menyeru kepada seluruh warga UMS terutamanya para ahli akademik agar memperkasakan usaha, mempersatukan matlamat untuk merealisasikan

gagasan transformasi negara dan meletakkan UMS sebagai gedung ilmu yang sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati di peta dunia.

Mengenai pencapaian penyelidikan dan inovasi serta penerbitan UMS, Dr. Kamaruzaman berkata, pada tahun 2010, UMS telah berjaya memperolehi 129 geran penyelidikan dengan jumlah dana sebanyak RM8.6 juta.

Manakala katanya, sehingga Julai tahun ini, UMS telah memperolehi sebanyak 29 geran penyelidikan yang jumlah dana kumulatif sebanyak RM2.6 juta.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa budaya penyelidikan yang berdaya saing dan berkualiti UMS sedang mekar tumbuh bagi bunga di taman," katanya.

Dalam bidang penerbitan pula, katanya, bermula dari tahun 2004 sehingga 2010 lebih dari 70 hasil penyelidikan diterbitkan di pelbagai jurnal berimpak tinggi.